



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

24  
24

20th November 1980

TAMBAHAN No. 14  
PERUNDANGAN

**Pg. P.U. 39.**

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAN KESALAHAN-KESALAHAN)  
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihakberkuasa Negeri dengan ini membuat Undang-undang Kecil yang berikut:

Akta 133.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil (Mengkompau Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan 1980 dan hendaklah dipakai bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Tajuk.

2. Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 9, 16, 17, 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 47, 52, 55, 56, 57, 58, 59, 69(3), 70, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82, 83, 84, 85, 87, 91, 100 dan 121 Akta itu dan di bawah mana-mana Undang-undang Kecilnya boleh dikompau oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis bagi pihak beliau.

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompau dan orang yang boleh mengompau.

3. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompau suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada lima ratus ringgit jika kesalahan itu adalah di bawah Akta itu, atau tidak boleh lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit jika kesalahan itu adalah di bawah suatu Undang-undang Kecil.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.

(2) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut keadaan yang tertentu dan dipalng dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(3) Bayaran boleh diserahkan dengan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ianya mestilah dialamatkan kepada Pengarah Kewangan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Pengarah Kewangan, Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut keadaan yang tertentu.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut keadaan yang tertentu dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

Borang bagi tawaran mengkompaun.

4. Borang dalam Jadual "A" mestilah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

Borang menerima tawaran.

5. Borang dalam Jadual "B" mestilah digunakan untuk menerima tawaran mengkompaun.

Bertarikh 14hb November, 1980  
[PSUK/PP/16881/Bah. 23; MPSP/10/1-65/36;  
PU/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pulau Pinang

JADUAL "A"  
(UNDANG-UNDANG KECIL 4)  
TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:.....

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut :

Peruntukan undang-undang yang berkaitan .....  
Tarikh..... Waktu.....  
Tempat.....  
Butir-butir Kesalahan.....  
.....  
.....

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan 1980, saya bersedia dan dengan ini menawarkan, untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak \$.....

(Ringgit.....). Jika tawaran ini diterima,

pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draft bank yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut keadaan yang tertentu dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan dengan sendiri kepada saya di alamat yang berikut.....

.....  
Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Pengarah Kewangan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Pengarah Kewangan, Majlis Perbandaran Seberang Perai.

3. Tawaran ini akan habis tempoh pada.....  
Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada.....haribulan ..... 19.....

\*Hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberikuasa mengkompaun, yang nama dan nama jawatannya mestilah di bawah tandatangannya.

JADUAL "B"

(UNDANG-UNDANG KECIL 5)

PENERIMAAN TAWARAN MENGGOMPAUN

Pengarah Kewangan,  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu Kesalahan di bawah rujukan..... dan bertarikh.....  
Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No..... bagi sebanyak \$.....  
bagi menjelaskan kompaun itu.

Bertarikh pada.....haribulan ..... 19.....

Tandatangan.....  
Nama (Huruf Besar).....  
.....  
Alamat.....  
.....

## STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
BY-LAWS 1980

- Act 133.** IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974 the State Authority makes the following by-laws:
- Citation.** 1. These by-laws may be cited as the *Street Drainage and Building (Compounding of Offences) By-laws 1980* and shall apply to the Municipal Council of Penang Island and the Municipal Council Province Wellesley.
- Compoundable offences and persons who may compound.** 2. Offences under sections 9, 16, 17, 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 47, 52, 55, 56, 57, 58, 59, 69(3), 70, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82, 83, 84, 85, 87, 91, 100 and 121 of the Act and under any of its by-laws may be compounded by the Yang Dipertua or any officer authorised in writing in that behalf by him.
- Sum to be collected and method of payment.** 3. (1) The sum of money to be collected for compounding an offence shall not exceed five hundred ringgit if the offence is under the Act, or two hundred and fifty ringgit if the offence is under a by-law.
- (2) Payment of the sum must be made in cash or by money order, postal order, cashier's order, banker's order, or banker's draft made payable to the Municipal Council of Penang Island or Municipal Council Province Wellesley as the case may be and crossed "Account Payee Only".
- (3) Payment may be delivered personally to the person making the offer to compound, but, if sent by post, shall be addressed to the Director of Finance, Municipal Council of Penang Island or Director of Finance, Municipal Council Province Wellesley as the case may be.
- (4) Every payment received must be accounted for as money belonging to the Municipal Council of Penang Island or Municipal Council Province Wellesley as the case may be an official receipt must be issued for it to the person to whom the offer to compound was made.
- Form for offer to compound.** 4. The form in Schedule "A" shall be used for making an offer to compound but may be modified as necessary.
- Form for acceptance.** 5. The form in Schedule "B" shall be used for acceptance of the offer to compound.

Dated 14th November, 1980  
[PSUK/PP/16881/Bah. 23; MPSP/10/1-65/36;  
PU/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pulau Pinang

SCHEDULE "A"  
(BY-LAW 4)

OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

To:

.....  
.....  
.....

Sir/Madam,

Reference: .....

It appears to me, on information/complaint received, that you have committed the following offence:

Relevant provision of the law.....

Date..... Time.....

Place.....

Particulars of offence.....

.....  
.....

2. You are hereby informed that, by virtue of the authority conferred on me by the Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) By-laws 1980. I am prepared, and hereby offer to compound the offence for the sum of \$.....

(Ringgit.....). If this offer is accepted, payment must be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to Municipal Council of Penang Island or the Municipal Council Province Wellesley as the case may be and crossed "Account Payee Only" and may be delivered personally to me at the following address.....

Payment by post must be addressed to the Director of Finance, Municipal Council of Penang Island or to Municipal Council Province Wellesley.

3. This offer will lapse on.....  
If full payment of the sum stated above is received by the close of business on that date, no further proceedings will be taken against you in respect of the offence. Otherwise, prosecution will be instituted without further notice.

Dated this..... day of....., 19.....

\*.....

\*To be signed by the person authorised to compound, whose name and designation must appear below the signature.

SCHEDULE "B"  
(BY-LAW 5)

ACCEPTANCE OF THE OFFER

Director of Finance,  
Municipal Council of Penang Island/  
Municipal Council Province Wellesley

I refer to the offer to compound an offence bearing reference  
..... and dated.....

I accept the offer and enclose herewith cash/money order/postal  
order/cashier's order/banker's order/banker's draft No.....

..... for the sum of.....in full  
settlement of the compound.

Dated this..... day of..... 19.....

Signature.....

Name (Block Letters).....

.....  
Address.....

.....